

KEDUDUKAN HUKUM ISLAM DI BAWAH SISTEM PERUNDANGAN MALAYSIA.

OLEH: PROF. AHMAD IBRAHIM

Di negeri-negeri Melayu sebelum masuknya pengaruh Kerajaan British undang-undang asas atau undang-undang negeri ialah undang-undang Islam bersama dengan Adat Melayu. Di dalam kes Ramah v. Leton (1927) 6 F.M.S.L.R. 128 Mahkamah Rayuan di Selangor telah memutuskan bahawa undang-undang Islam adalah Undang-undang negeri dan Mahkamah hendaklah mengiktirafkan dan menggunakan undang-undang itu.

Undang-undang Islam yang diikuti itu ialah di dalam semua bidang dan meliputi undang-undang Keluarga, undang-undang jenayah, undang-undang Tanah, dan undang-undang Sivil, termasuk undang-undang Acara dan Keterangan. Kumpulan undang-undang Melayu lama seperti Undang-undang Melaka atau undang-undang yang dikumpulkan untuk Sultan Pahang mempunyai peruntukan bagi undang-undang Sivil, undang-undang Keterangan dan undang-undang Acara. Majallat Al-Ahkam, suatu kumpulan undang-undang Sivil Islam, yang diperundangkan di Turkey telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu dan diiktiraf sebagai undang-undang yang harus diikuti di mahkamah-mahkamah di Johor pada tahun 1914.

Walau bagaimana keadaan itu telah berubah selepas masuknya pengaruh British ke negeri-negeri Melayu. Raja-raja Melayu telah membuat triti dengan pihak berkuasa British dan bersetuju menerima nasihat British dalam semua bidang kecuali Ugama Islam dan adat Melayu. Perkataan "Ugama Islam" telah diberi tafsiran yang sempit dan "ugama" itu dianggap sama seperti di dalam ugama Christian. Dengan tafsiran ini pihak British telah dapat mempengaruhi bidang undang-undang di Malaysia, yang dianggap olehnya tidak berhubungan dengan ugama. Undang-undang Inggeris telah dimasukkan dan diterima di negeri-negeri Melayu dengan dua jalan. Yang pertama dengan jalan perundangan. Pihak berkuasa British telah menasihati Raja-Raja Melayu agar membuat beberapa undang-undang bertulis dan undang-undang ini semua mengikut contoh undang-undang Inggeris secara langsung atau tidak. Dengan cara ini diadakan Penal Code (Kanun Jenayah), Evidence Enactment (Enakmen Keterangan), Contract Enactment (Enakmen Kontrek), Civil Procedure Code (Kanun Acara Sivil), Criminal Procedure Code (Kanun Acara Jenayah) dan Land Enactment (Enakmen Tanah). Akibatnya di dalam bidang-bidang itu iaitu seperti bidang-bidang Jenayah dan Tanah, undang-undang Islam dan undang-undang Melayu yang lama telah diketepikan dan undang-undang baharu yang mengikut prinsip-prinsip undang-undang inggeris telah dikuatkuesakan. Cara yang kedua ialah melalui keputusan para hakim. Dehgan nasihat pihak berkuasa British, Raja-Raja Melayu telah mengadakan mahkamah dan hakim yang dilantik mengetuai mahkamah itu ialah hakim-hakim British yang berpengalaman dalam undang-undang Inggeris. Apabila hakim-hakim menghadapi sesuatu masalah yang tidak boleh diselesaikan melalui undang-undang bertulis, mereka kerap kali merujuk kepada undang-undang Inggeris, kerana itulah undang-undang yang mereka ketahui dan fahami. Dengan jalan inilah kaedah undang-undang Inggeris mengenai Tort dan Ekuiti telah diterima di negeri-negeri Melayu.

Dengan dua jalan itu - perundangan dan keputusan para hakim - undang-undang Inggeris telah di masukkan secara menyeluruh ke dalam undang-undang di negeri-negeri Melayu. Akhirnya, bolehlah dikatakan undang-undang Inggeris telah hampir mengambil tempat undang-undang Islam sebagai undang-undang negeri.

Kedaaan seperti itu telah disahkan dan peperkuuhkan pula oleh undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu. Pada mulanya Enakmen undang-undang Sivil 1937 telah diperbuat di negeri-negeri Melayu Bersekutu. Mengikut Enakmen itu manakala tidak terdapat undang-undang di negeri-negeri Melayu yang boleh dikomukakan di dalam mana-mana perkara, hendaklah mahkamah merujuk kepada undang-undang Inggeris yang berkuat kuasa di England pada Tahun 1937. Enakmen itu telah diperluaskan kepada negeri-negeri Melayu. Tidak Bersekutu pada tahun 1951 dan pada tahun 1956 pula suatu Ordinan yang baharu telah dibuat untuk mengantikan Enakmen undang-undang Sivil 1937 itu. Ordinan Undang-undang Sivil ini dikenakan keseluruh Persekutuan Tanah Melayu. Seksyen 3 dalam Ordinan itu memeruntukan:-

"Kecuali ada peruntukan yang telah dibuat atau akan dibuat oleh undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Malaya, Mahkamah akan (a) di Malaysia Barat atau disebarkan bahagian daripadanya menguatkusakan Common Law England dan peraturan-peraturan Ekuiti seperti yang ditadbirkan di England pada 7 haribulan April 1956"

Ordinan Undang-undang Sivil 1956 telah disemak semula pada tahun 1971 dan diperluaskan juga ke Sabah dan Sarawak dengan nama yang baru iaitu Akta Undang-undang Sivil dan Akta ini masih berkuatkuasa di Malaysia. Jelaslah dari Akta ini bahawa undang-undang yang kita terpaksa ikuti di Malaysia, kecuali jika ada undang-undang bertulis yang lain, ialah undang-undang Inggerislah yang menjadi undang-undang asas dan undang-undang negeri di Malaysia. Undang-undang Islam masa sekarang hanya dikenakan kepada orang-orang Islam sahaja dan di dalam perkara-perkara yang terhad sahaja iaitu perkara-perkara berhubung dengan keluarga dan ugama Islam dengan pengertian yang sempit.

Mengikut perlembagaan Malaysia Ugama Islam, Undang-undang Islam dan Adat Melayu diletakkan dibawah kuasa negeri-negeri. Perenggan 1 dalam Senarai 2 - Senarai Negeri Jadual Ke 9, Perlembagaan adalah seperti berikut:-

"1. Hukum Sharia"

Oleh kerana kuasa di dalam tangan negeri, tiap-tiap negeri mempunyai enakmen yang tersendiri mengenai pentadbiran undang-undang Islam. Tiap-tiap negeri mempunyai Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadihinya sendiri. Sungguhpun pada dasarnya enakmen-enakmen itu boleh dikatakan sama, tetapi terdapat juga beberapa perbezaan antaranya. Beberapa masalah juga timbul oleh kerana undang-undang itu tidak sama dan ditadbirkan diperingkat negeri sahaja. Kuasa yang diberikan kepada Mahkamah-Mahkamah Syariah adalah terhad. Mahkamah itu "mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut ugama Islam dan hanya perkara-perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mengenai mana-mana kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan". Undang-undang yang memberi kuasa itu ialah Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) Act, 1965 dan mengikut Akta itu Mahkamah Syariah hanya berkuasa membicarakan perkara-perkara di mana hukuman yang boleh dikenakan tidak lebih dari enam bulan penjara dan denda seribu ringgit.

Undang-undang yang dikenakan di Malaysia tidak semestinya undang-undang Islam yang asal akan tetapi boleh dipengaruhi dan diubah oleh undang-undang bertulis, keputusan-keputusan mahkamah dan Adat Melayu. Undang-undang bertulis khasnya yang diperbuat sebelum Merdeka, boleh mengonsepkan undang-undang Islam. Sebagai contoh seperti yang diputuskan dalam kas Ainan v. Syed Abubakar (1939) MLJ 209. Soal yang timbul di dalam kas itu mengenai sahtarefnnya seorang anak yang telah dilahirkan oleh ibunya selepas tiga bulan dia berkahwin dengan seorang lelaki. Jika perkara ini dirujukkan kepada Undang-undang Islam, jelaslah anak itu tidak sah tarafnya. Akan tetapi dalam perkara tersebut terdapat Seksyen 112 Enakmen Keterangan yang menganggap seorang yang dilahirkan pada masa iaunya telah berkahwin dengan seorang lelaki sebagai anak sah kepada lelaki itu. Di dalam kas Ainan v. Syed Abubakar itu Mahkamah berpendapat bahawa undang-undang yang harus diikut ialah Enakmen Keterangan itu dan bukan undang-undang Islam dan oleh kerana itu diputuskan anak itu sah tarafnya.

Undang-undang yang diperbuat oleh Parlimen selepas Hari Merdeka tertakluk kepada Perlombagaan Persekutuan. Seperti yang telah disebutkan pada amnya Parlimen tidak mempunyai kuasa membuat undang-undang mengenai undang-undang Islam (kecuali untuk Wilayah Persekutuan) dan undang-undang yang berhubung dengan undang-undang Islam hanya boleh diadakan dan dikuatkuasakan dengan persetujuan Kerajaan negeri yang berkuasa. Satu contoh ialah Guardianship of Infants Act, 1961.

Akta ini diperbuat oleh Parlimen untuk menyelarasakan undang-undang mengenai hak kewalian dan jagaan seluruh Malaysia. Akan tetapi diperuntukkan juga bahawa Akta itu tidak dikonsekan kepada orang-orang Islam melainkan dengan syarat (a) Akta itu diterima oleh Kerajaan Negeri dan (b) mana-mana peruntukan dalam Akta itu yang bertentangan dengan undang-undang Islam tidak dikonsekan kepada orang Islam.

Di dalam kes Myriam v. Mohamed Ariff (1971) I MLJ 265, seorang itu menuntut hak jagaan anak-anaknya iaitu seorang perempuan yang berumur lima tahun dan seorang lelaki dua tahun. Dia telah diceraikan oleh suaminya dan selepas itu dia telah berkahwin dengan orang lain. Pada masa pendaftaran penceraian Kadhi telah mencatatkan bahawa kedua-dua pihak telah bersatuju anak-anak itu diserahkan kepada ayahnya. Hakim yang ariff di dalam kes itu memutuskan bahawa dia harus mengikuti Guardians of Infants Act itu yang mengarahan mahkamah memandang kepada kepentingan anak-anak yang berkacaan dalam momutuskan perkara penjagaannya. Beliau berpendapat peruntukan itu tidak bertentangan dengan undang-undang Islam, sungguhpun di dalam undang-undang Islam ada disebut bahawa seorang ibu yang telah berkahwin dengan orang lain adalah dengan sendirinya hilang hak penjagaannya. Di dalam undang-undang Islam pun, kata beliau, perkara yang harus diberi pertimbangan ialah kepentingan anak-anak itu dan di dalam perkara itu memandang kepada kepentingan anak-anak itu dia telah memutuskan memberi hak jagaan anak lelaki berumur dua tahun kepada ibunya, dan tetapkan anak perempuan di bawah jagaan ayahnya.

Sungguhpun pada amnya perkara-perkara mengenai undang-undang Islam biasanya diputuskan di Mahkamah-Mahkamah Kathi di tiap-tiap negeri ada kalanya perkara seperti itu boleh dibawa di hadapan Mahkamah Sivil. Satu contohnya ialah kes Commissioner of Religious Affairs Trengganu v. Tengku Mariam (1970) I MLJ 222. Perkara yang timbul di dalam kes itu ialah mengenai sah atau tidaknya wakaf khas yang dibuat oleh Tengku Chik. Wakaf itu ialah untuk keluarga Tengku Cik dan selepas itu untuk pelajaran Islam dan penuntutan-penuntut pelajaran Islam. Ahli waris yang berkacaan telah bersatuju merujukkan perkara itu kepada Mufti dan Mufti telah pun memberi fatwanya bahawa wakaf itu adalah sah. Akan tetapi kemudiannya beberapa orang ahli-waris itu mengemukakan perkara itu ke Mahkamah Tinggi. Di dalam perkara ini telah terdapat keputusan Privy Council yang telah menunjukkan bahawa wakaf ahli seperti itu tidak sah dan Mahkamah Tinggi telah mengikut keputusan itu, yang dianggap mengikatnya, dan memutuskan bahawa wakaf Tengku Chik itu adalah tidak sah. Apabila rayuan dibuat di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah itu telah berpendapat oleh kerana ahli-waris itu telah bersatuju menerima keputusan Mufti, mereka telah terlibat dengan keputusan itu dan mereka tidak boleh lagi mempersoalkan perkara itu di Mahkamah Sivil. Malau bagaimana pun Mahkamah Persekutuan juga menganggapkan ianya adalah terikat dengan keputusan Privy Council dalam perkara ini jika ianya ada kuasa memutuskan perkara itu ianya harus memutuskan juga bahawa wakaf itu tidak sah.

Perkara Adat Melayu boleh timbul juga dalam pelaksanaan Undang-undang Islam. Mengikut hakim-hakim Inggeris dan hakim-hakim yang bereliran Inggeris, undang-undang Islam boleh diubahsuai oleh adat Melayu. Umpamanya di dalam kes Roberts v. Ummi Kalthom (1966) I MLJ 163 Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa harta sponcarian adalah perkara Adat Melayu dan harus dikonsekan sebagai Adat Melayu di negeri-negeri Melayu

Sebenarnya adat, jika tidak bertentangan dengan undang-undang Islam boleh menjadi sumber undang-undang Islam dan apabila iaikuti ia adalah diikuti sebagai undang-undang Islam. Adat undang-undang orang-orang Arab umpananya telah diserapkan ke dalam undang-undang Islam dan telah menjadi undang-undang Islam. Begitu juga Adat Melayu bolch diserapkan ke dalam undang-undang Islam dan tidak seharusnya ada pertentangan antara undang-undang Islam dan Adat yang diikuti oleh orang-orang Islam.

Oleh kerana Islam menjadi ugama Persekutuan dan juga ugama untuk beberapa buah negeri di Malaysia, undang-undang Islam harus dikembalikan kepada tempatnya yang asal sebagai undang-undang asas dan undang-undang negeri di Malaysia. Beberapa langkah yang pertama harus dibuat di dalam perkara ini. Seksyen 3, 4 dan 5 dalam Akta Undang-undang Sivil hendaklah dimansuhkan. Dengan ini kita tidak akan merujuk kepada undang-undang Inggeris yang lapuk itu, tetapi boleh mencari undang-undang lain yang tidak bertentangan dengan undang-undang Islam. Satu fasal hendaklah diadakan di dalam Perlombagaan yang bertujuan bahawa jika terdapat mana-mana undang-undang di Malaysia yang bertentangan dengan Undang-undang Islam, maka hendaklah undang-undang itu terbatal setakat mana ia bertentangan itu. Dengan dua jalan ini bolehlah kita mengesahkan bahawa undang-undang di Malaysia sekurang-kurangnya tidak bertentangan dengan undang-undang Islam.

Selaras daripada itu hendaklah kita menghormati dan menerima undang-undang Islam di dalam semua bidang. Langkah ini tidaklah boleh diambil tergesa-gesa tetapi hendaklah kita orang Islam sendiri mempelajari dan menyakinkan dengan ketinggian taraf dan keindahan undang-undang Islam itu. Kita harus menyakinkan diri kita sendiri dan orang-orang lain di Malaysia bahawa undang-undang Islam itu adil dan saksama. Sayangnya kita telah mengabaikan dan mencairkan khazanah yang berharga yang telah diwarisi kepada kita oleh para ulama Islam. Kita harus mempelajari undang-undang Islam itu dan ber-ikhtiar dan berijtihad jika perlu untuk menjadikan undang-undang Islam itu undang-undang kebangsaan di Malaysia. Beberapa langkah telahpun diambil di Jabatan Syarikh, Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya dan kerjasama antara dua fakulti itu telah membawa kesan yang sangat baik. Tetapi ini adalah langkah permulaan sahaja dan banyak lagi langkah harus diambil untuk menghilangkan sangka buruk terhadap undang-undang Islam sebagai undang-undang yang layak diterima sebagai undang-undang Kebangsaan di Malaysia. Adalah diharapkan Universiti Islam Antarabangsa akan mengambil langkah yang berkesan di dalam perkara ini. Undang-undang di negeri-negeri Barat, dengan secara langsung atau tidak, dan dengan diketahui atau tidak, telah banyak mengambil dan meniru dari Undang-Undang Islam. Di Malaysia, banyak pembaharuan telah dibuat, yang telah membawa undang-undang itu lebih dekat kepada Undang-undang Islam. Tetapi sayangnya kita di Malaysia hingga hari ini korupsi monurnt sahaja pembaharuan-pembaharuan yang dibuat di England, sungguhpun contoh cetanding dengan itu atau yang lebih baik bolch didapat dari Undang-undang Islam. Kita orang-orang Islam di Malaysia haruslah menyesuaikan diri dan menguatkan iman kita supaya layak menerima kurnia undang-undang Islam kepada kita dan selepas itu bolehlah kita cuba nemujuk jiron-jiron Malaysia menikmati undang-undang itu.

PERUNDANGAN ISLAM - DASAR, MATLAMAT DAN
PERLAKSANAANNYA DI MALAYSIA

DASAR

Oleh kerana ugama Islam telah dijadikan ugama Persekutuan di Malaysia dan di negeri-negeri di dalam Malaysia juga ugama Islam diiktiraf sebagai ugama negeri, maka sudah sewajarnyalah undang-undang Islam diterima sebagai undang-undang Persekutuan dan undang-undang negeri-negeri di Malaysia. Perlembagaan Madinah pada masa Nabi Muhammad SAW telah menentukan cara pemerintahan dan pentadbiran bagi penduduk-penduduk Madinah termasuk orang Yahudi dan orang-orang bukan Islam. Apa yang ditegaskan dalam Perlembagaan ialah jika timbulnya perselisihan, maka perkara itu hendaklah dirujukkan kepada Nabi SAW untuk penyelesaiannya. Ini bermakna bahawa semua kes-kes yang timbul hendaklah dibicarakan dan diputuskan oleh Nabi Muhammad mengikut undang-undang yang diwahyukan oleh Allah seperti yang terkandung dalam Al-Quran. Di dalam kes Ramah v Laton (1927) 6 F. M.S.L.R. 128 Thorne J. telah berkata bahawa undang-undang Islam bukan undang-undang asing di-negeri-negeri Melayu, ~~baik~~ tetapi ianya adalah undang-undang tempatan dan undang-undang negeri.

Sebagai kaum Muslimin kita merasa gembira dan bangga kerana kita telah menganut agama Islam, tetapi sayangnya ramai di antara kita masih belum mengetahui tentang hukum-hukum Islam yang penting dan masih terlalu leka terhadap peranan ugama Islam yang begitu besar.

Hukum Islam ialah dasar-dasar, peraturan-peraturan dan pandangan-pandangan yang terhimpun dalam kitab dan Sunnah Rasulullah saw. yang disebut sebagai Syariah Islam. Ianya meliputi soal-soal tauhid, iman, ibadah, kerukuntanggaan, jenayah, muamalah, pentadbiran, politik, ekonomi dan sebagainya.

Dan sebesar-besar ta'at terhadap Islam ialah dengan melaksanakan hukum-hukumnya dan menegakkan syariat serta syiarnya. Maka barangsiapa yang tidak mahu melaksanakan syariat Islam bahkan melenyapkannya, bererti melenyapkan Islam.

Jelaslah apa yang dimaksudkan oleh syariah Islam itu adalah semata-mata untuk mencapai kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Kedua-duanya merupakan satu kesatuan yang tidak dapat dipisah-pisahkan dan dibeda-bedakan, dimana ianya diambil sebahagian dan dibuang sebahagian yang lain. Allah SWT telah berfirman dalam Al-Quran -

"Sesungguhnya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasulnya serta membuat kerosakan di permukaan bumi ini, mereka itu harus dibunuh, atau disalib, atau di potong-potong tangan dan kakinya bersela-

ang, atau dikeluarkan dari negara. Demikian itu adalah sebagai satu hinaan(balasan)mereka di dunia, sedangkan di akhirat kelak akan diseksa dengan hebat". (5:33) Al-Maidah)

Sesungguhnya orang-orang yang gemar kalau rahsia cacat otak tersiar dikalangan orang-orang mukmin, bahawa itu akan mendapat hukuman yang berat di dunia dan akhirat (Al-Nur :19)

Sesungguhnya orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan muhsanat yang bersih jiwanya dan mukmin, maka itu akan di la'nat di dunia dan akhirat serta akan diseksa dengan seksaan yang sangat pedih pada suatu hari dimana lidah, tangan dan kakinya menjadi saksi terhadap semua yang pernah dikerjakan. Pada hari itu Allah akan melaksanakan pembalasan yang telah dipastikan sedang mereka tahu, bahawa Allah yang sesungguhnya Maha Benar (24:23:25) Al-Nur.

Wahai orang-orang yang mukmin ! hukum qisas telah ditetapkan bagi kamu untuk membela orang-orang yang terbunuh (4:77). Barang siapa yang membunuh dengan songaja maka sebagai balasannya ialah neraka jahanam ia akan kekal di situ (4:93) An-Nisa'

Hukum-hukum Islam samada yang vertalian dengan masalah Meduniaan ataupun akhirat tidak diperundangkan dengan sis-sia sahaja, Islam menetapkan hukum-hukum itu supaya selaras dengan tujuannya. Misalnya dunia sebagai tempat yang penuh dengan percubaan dan azam fana; sedangkan akhirat sebagai tempat yang abadi dan tempat pembalasan di mana manusia akan dipertanggungjawabkan seluruh amal dan perbuatannya waktu ia hidup di dunia. Jika ia berbuat baik di balas dengan kebaikan dan jika ia berbuat ma'siat akan dibalasnya dengan koburukan. Pembalasan atau hukuman bagi ma'siat yang dilakukan di dunia tidak dapat menggugurkan balasan akhirat kecuali dengan taubat.

Firman Allah swt dalam Al-Quran -

"Apakah orang yang beriman itu sama dengan orang yang berbuat fasiq? Tontu tidak sama. Orang yang beriman dan beramal saleh kelak mereka akan mendapat syurga sebagai tempat tinggal, mereka ditempatkan disini adalah merupakan hasil amal mereka. Adapun orang-orang yang berbuat fasiq maka tempat tinggal mereka adalah neraka. Sewaktu mereka hendak keluar dikembalikannya lagi seraya di katakan kepada mereka "Rasakan siksaan neraka ini sebagai akibat kamu mendustakannya"(As-Sajadah 18-20)

Dan barangsiapa ta'at kepada Allah dan Rasulnya dia akan dimaksukkan di Syurga di bawahnya ada beberapa sungai yang mengalir, mereka akan kekal selamanya disitu. Demikian itu adalah merupakan kebahagian yang sangat besar sekali. Dan barangsiapa durhaka kepada Allah dan Rasulnya serta melanggar batas ketentuannya dia akan di masukkan kedalam neraka dengan kekal dan mendapat seksaan yang sangat pedih" (Al-Nisa' 14-14)

PERBEZAAN ANTARA SYARIAT ISLAM DENGAN HUKUM CIPTAAN MANUSIA.

Syariat Islam menggabungkan antara dunia dan akhirat dan ini merupakan satu senan, mengapa seseorang Islam harus melaksanakan hukum tersebut walaupun sepi mahupun di waktu ramai, di waktu senang maupun di waktu susah

(3)

sebagai pengakuan yang mereka beriman kepada Allah. Barangsiapa tertarik untuk berbuat dosa tetapi di menganggap yang ia boleh mengelakkan diri dari hukuman di dunia, kemudian di tidak berani berbuat demikian kerang takut diseksa di akhirat dan dimurkai Allah, dingen itu ia dapat mengejek manusia untuk mengelakkan perbuatan dosa dan menjaga keamanan serta memelihara masyarakat dari keadaan huru-hara.

Adapun hukum ciptaan manusia tidak dapat mendorong jiwa seorang manusia yang lain supaya ta'at kepadanya. Ketaatan manusia kepada hukum tersebut hanya sekadar takut terlibat dan dimasukkan dalam daftar orang-orang yang melanggar hukum. Oleh itu, barangsiapa yang dapat berbuat kesalahan tetapi dapat terlepas dari hukuman yang diperuntukkan, maka dia akan bera nggapan bahawa perbuatan tersebut tidak menjadi apa-apa. Justru itu pelang garan-pelanggaran seterusnya akan berlaku dan bermaharajalela dan ketenteram negara akan berkecamuk, dan akhirnya hukum itu sendiri akan lumpuh, akhlak akan merosot, pelanggaran undang-undang itu akan menjadi-jadi akibat dari merosotnya akhlak. Akhirnya seluruh warganegara akan berbuat sesuatu yang melawan hukum seolah-olah mereka hidup tanpa hukum.

Seluruh hukum yang terkandong dalam syariat Islam tidak boleh dibezakan dan tidak boleh dipisah-pisahkan, kerana cara demikian tidak dapat mencapai apa yang dimaksudkan oleh syariat. Bahkan nass hukum itu sendiri tidak mengizinkan ianya dipakai sebahagian dan dibuangkan sebahagian yang lain, kerana Allah tidak memperkenankan seseorang beriman terhadap sebahagian rukun dan kufur terhadap rukun yang lain.

Firman Allah swt - (IA) :

"Apakah kamu akan beriman kepada sebahagian isi Kitab dan kufur terhadap sebahagian yang lain, tiada lain balesan orang yang berbuat demikian daripada kamu kecuali kohinean dalam hidup di dunia dan di hari akhir t akan dihalau kepada seksa yang sangat pedih" (Al-Baqarah :85)

"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan sebahagian keterangan dan petunjuk yang telah kami turunkan dan telah kami terangkan kepada manusia dalam Kitab, mereka itu akan di La'nat Allah dan orang-orang yang mla'nat, kecuali mereka yang telah taubat dan berbuat baik serta mau menjelaskannya, maka akan Ku terima taubatnya dan Aku adalah Maha menerima taubat dan belas kasih."

"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan isi Kitab yang telah diturunkan Allah dan menjualnya dengan harga murah, mereka itu tidak akan makan dalam perutnya melainkan api neraka dan Allah tidak akan mengajak berbicara dengan mereka (tidak memberi rahmat) dan tidak akan menyelamatkan mereka, serta mereka akan diseksa dengan sangat. Mereka itu sebenarnya suka memilih kesesatan ditukarnya dengan petunjuk, memilih seksa ditukarkannya dengan ampun, tetapi alangkah sabarnya mereka mencrima neraka?" (Al-Baqarah: 174-175)

"Sesungguhnya orang-orang yang kufur kepada Allah dan para utusannya

(4)

dan bermaksud akan memisah-misahkan antara Allah dan utusannya serta berkata kami beriman kepada sebahagiannya dan kufur kepada bahagian yang lain dan berkehendakan dan menjadikan antara iman dan kufur sebagai satu tuntutan, jelas mereka itu adalah orang-orang kafir"
 Al-Imran: 150-151)

"Kami telah menurunkan Kitab kepadamu dengan membawa kebenaran dan membenarkan kitab-kitab sebelumnya serta memeliharanya, cbeh kerana itu hukumilah di antara mereka dengan hukum yang telah diturunkan Allah dan jangan kamu ikuti nafsu mereka untuk melawan kebenaran yang telah sampai kepadamu, tiap-tiap umat kami beri satu pedoman dan jalan yang lurus. (Al-Maidah: 47)

"Hukumlah di antara merekadengan hukum yang telah di turunkan Allah dan jangan kamu ikuti hawa nafsu mereka dan berhati-hatilah terhadap mereka, bahawa mereka akan membuat fitnah kepadamu terhadap sebahagian ayat yang diturunkan Allah kepadamu, jika kamu berpaling maka ketahui lah, bahawasanya Allah akan memberikan musibah kepada mereka kerana dosa-dosa yang mereka perbuat, namun kebanyakannya manusia masih berbuat fasiq. Apakah memang mereka akan mencari hukum jahiliah, padahal sia pakah yang lebih baik hukumnya daripada Allah bagi kamu yang beriman?"

Islam datang bukan hanya untuk sementara waktu, atau hanya untuk satu masa, tetapi Islam datang untuk segala zaman dan segala musim hingga berakhirknya bumiini. Undang-undangnya tidak dapat dipengaruhi oleh berlalunya masa dan ianya tidak perlu di perbaharui dan tidak perlu diadakan perubahan perinsip-perinsipnya. Bahkan sifat universalnya itu sendiri sudah dapat dipakai untuk menentukan hukum terhadap masalah-masalah baru, sekalipun hal itu tidak terjadi. Kerana itu tidak perlu diadakan perubahan dan penggantian seperti yang lazim dilakukan dalam hukum ciptaan manusia.

Firman Allah swt.

"Katakanlah ya Muhamad! Wahai seluruh umat manusia ketahuilah bahawa aku adalah utusan Allah untuk kamu semua (Al-A'raf :158)

"Hari ini telah kami sempurnakan untuk kamu agamamu dan telah kami sempurnakan pula ni'mat kami untuk kamu serta kami telah rela Islam sebagai ugama pelukanmu" (Al-Maidah :3)

"Muhamad bukanlah ayah bagi seorang laki-laki dari santara kamu, tetapi dia adalah utusan Allah dan penutup bagi sekalian Nabi-Nabi" (Al-Ahzab :40)

Jika kita bandingkan undang-undang Islam dengan undang-undang ciptaan manusia, maka kita dapat banyak keistimewaan dan kelebihan undang-undang Islam dan kelemahan dan kekurangan undang-undang ciptaan manusia.

Syariat Islam datangnya dari Khaliqul alam Allah sedangkan undang-undang ciptaan manusia datangnya dari manusia. Undang-undang itu datangnya dari manusia, sedangkan sifat manusia itu sendiri tidak lupur dari kelemahan, kekurangan, dan daya fikirannya sangat terbatas. Justeru itu hukum ciptaannya pun akan bersifat seperti itu juga, iaitu selalu memer-

lukan perubahan kerana perubahan keadaan masyarakat yang tidak terbatas. Oleh kerana itu pula jiwa undang-undang tersebut akan pasti berkurangan dan tidak mungkin dapat sampai kepada batas kesempurnaan, kerana memang penciptanya bersifat sempurna dan tidak mungkin dapat mencukupi segala sesuatu yang sedang berjalan dan akan terjadi, sekalipun hukum tersebut sudah dapat mengatasi hal-hal yang pernah terjadi.

Adapun syariat Islam bukanlah demikian, penciptanya adalah Allah yang bersifat Maha Kuasa, Maha Sempurna, Maha Besar, Maha Meliputi hal-hal yang sudah terjadi dan yang akan terjadi. Oleh kerana itu syariat Islam dan hukum ciptaannya pasti dapat meliputi dan sesuai untuk masa-masa yang sudah berlaku atau yang akan berlaku.

Undang-undang ciptaan manusia dibuat dalam batas waktu tertentu, iaitu sekadar untuk mengatur dan memenuhi keperluan masyarakat. Kedudukannya lebih rendah dari masyarakat, atau kini sama tarafnya dengan masyarakat, tetapi esok hari sudah berlainan pula, kerana undang-undang tersebut berubah tidak secepat perubahan masyarakat. Adapun syariat Islam diciptakan Allah untuk waktu yang tidak terbatas dan juga untuk mengatur masyarakat. Kaedah-kaedah bukannya sengaja dibuat dalam bentuk elastik dan umum sehingga dapat memenuhi keperluan masyarakat sepanjang masa dan dapat melengkapinya kehendak seluruh masyarakat yang selalu berubah. Kaedah dan teks hukum-hukumnya dibuat lebih tinggi tidak ketinggalan dengan kemajuan masyarakat. Tujuan syariat Islam mengatur dan mengarahkan masyarakat dan bermaksud untuk mencipta peribadi yang salah serta membentuk negara dan masyarakat yang baik dan harmonis. Syariat Islam didatangkan Allah sebagai satu bukti kesempurnaanNya agar manusia dapat mengarahkan cita-cita mereka untuk berbakti dan mencari apa yang afdal. Dengan demikian Islam telah membawa manusia untuk mencapai taraf hidup yang lebih tinggi dan lebih sempurna sesuai dengan kesempurnaan syariah..

Syariat Islam pada umumnya bersifat kulli, umum dan elastis. Hukum-hukum yang tersebut diterangkan dalam kaedah-kaedah umum yang dapat mencakup Berbagai-bagai perundangan, kemudian diserahkan kepada kebijaksanaan Ulil-amri untuk menyempurnakan perundangan itu dengan berpedomanan kepada kaedah-kaedah pokok. Hak Ulil-amri dibatasi dengan satu ikatan iaitu undang-undang yang ditetapkan harus solaras dengan nass syara' dan kaedah-kaedah umum. Allah s.w.t. telah berfirman -

"Hai orang-orang yang beriman! ta'atlah kepada Allah dan Ta'atlah kepada Rsdulullah dan kepada Ulil-amri daripada kamu, jika kamu berselisih tentang suatu urusan, kembalikanlah kepada Kitabullah dan sunnah Rasul."

(6)

(An-Nisa' :59)

"Apa saja yang kamu perselisihkan, maka ketentuan hukumnya ialah dipertimbangkan kepada Allah". (Asy-syura : 10)

Ada dua faktor yang mendorongkan sarjana-sarjana hukum di Malaysia memindahkan undang-undang Inggeris ke Malaysia.

Pertama: Kerana mereka tidak pernah mempelajari syariah Islam dan tidak mengenal hukum Islam serta arah tujuannya.

Kedua: Mereka telah mengikatkan dirinya kepada pendapat-pendapat dan cara-cara yang dilakukan oleh sarjana-sarjana Inggeris. Oleh itu mereka tidak berani mengatakan "boleh" kecuali kalau sarjana Inggeris mengatakan "boleh". Mereka tidak berani mengatakan "tidak" kalau sarjana Inggeris tidak mengatakan "tidak", padahal mereka tahu bahawa sarjana-sarjana Inggeris tersebut tidak mengenal Islam sedikitpun.

Islam sendiri tidak membenarkan orang Islam memakai hukum selain dari hukum Islam.

"Kalau mereka tidak mau memenuhi panggilanmu, maka ketahuilah bahawa sebenarnya mereka itu mengikuti hawa nafsunya dan siapakah gerangan orang yang terlebih sesat selain dari mereka yang mengikuti hawa nafsunya tanpa mendapat petunjuk dari Allah" (Al-Qashash :50)

"Kemudian kami jadikan kamu di atas satu agama yang lurus, kerana itu janganlah kamu iktuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengerti itu, kerana sesungguhnya mereka tidak akan dapat berbuat sesuatu apa pun untuk kamu terhadap suatu yang telah dikenckaki Allah, dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu antara satu sama lain saling membantu, tetapi Allah adalah pembantu bagi orang-orang yang taqwa" (Al-Jaaisiy ayat 18-19)

"Ikutilah semuanya hukum yang telah diturunkan kepadamu oleh Tuhanmu dan jangan kamu ikut pemimpin selain dari Allah, tetapi sedikit sekali di antara kamu yang ingat". (Al-A'raaf :3)

Allah tidak rela orang mukmin mematuhi hukum selain hukum Allah, bahan dengan tegas Allah memerintahkan supaya mereka mengingkari hukum-hukum tersebut dan orang yang suka kepada hukum selain dari hukum Allah dianggap sudah jauh tersesat dan mereka adalah pengikut syaitan.

"Apakah kamu tidak, ejoat kepada orang-orang yang mengaku beriman terhadap wahyu yang diturunkan sebelum kamu, tetapi mereka berkehendaknya mematuhi hukum pada thaghut padahal mereka telah diperintahkan supaya mengingkarnya namun syaitan bermaksud hendak menyesatkan mereka sejauh mungkin" (An-Nisa' :60)

Yang di maksudkan dengan hukum thaghut iaitu semua porsembahan dan ikatan di luar ketentuan Allah.

Allah tidak memberikan perkara kepada setiap mukmin laki-laki dan perempuan memiliki sesuatu hukum selain dari apa yang telah dipilih oleh Allah dan Rasulnya sendiri.

"Tidak patut bagi orang mukmin laki-laki dan perempuan apabila Allah dan Rasulnya telah menetapkan suatu hukum bahawa mereka masih akan memilih-milih terhadap hukum tersebut (Al-Ahzab : 36).

Allah memerintahkan supaya hukum yang berlaku di masyarakat mestilah selaras dengan ketentuan Allah. Oleh kerana itu barangsiapa yang tidak berhukum dengan hukum Allah bererti kufur, zalim dan fasiq.

"Barangsiapa tidak mau berhukum dengan hukum Allah bererti kufur" (Al-Maidah : 44).

"Barangsiapa tidak mau berhukum dengan hukum Allah bererti zalim" (Al-Maidah : 45).

"Barangsiapa tidak mau berhukum dengan hukum Allah, bererti fasiq" (Al-Maidah : 47).

Seluruh ahli tafsir dan ahli figh sepakat bahawa, barangsiapa memakai selain dari hukum Allah dalam masyarakat Islam atau meninggal kan sebahagian hukum Allah tanpa sebab, dan berkeyakinan atas kebenaran hukum tersebut, mereka akan dihukum menurut firman diatas. Maka bagi orang yang tidak mau melaksanakan hukuman perceraian, tuduhan dan perzinaan dengan anggapan lebih mementingkan anggota manusia jelas mereka adalah kufur kepada Allah. Tetapi kalau tidak mau melaksanakannya itu kerana ada suatu sebab, bukan kerana ingkar bererti mereka adalah zalim, kalau di situ tidak mencerminkan kebenaran dan keadilan Akan tetapi sekiranya masih dapat mencerminkan kebenaran, keadilan dan persamaan bererti fasiq.

"Demi Tuhanmu bahawa mereka tidak beriman sehingga mereka mau berhukum kepada Rasul terhadap sesuatu yang diperselisihkan dengan menyerah bulat-bulat kepada ketentuan hukum tersebut tanpa merasa berat dan tersempit dada.

"Demi Tuhanmu bahawa mereka tidak beriman sehingga mereka mau berhukum kepadamu terhadap sesuatu yang diperselisihkan di antara mereka kemudian tidak terdapat dalam hati mereka perasaan sempit terhadap hukum yang telah kau putuskan serta mereka mau menyerahkan dengan bulat (An-Nisa' : 65)

Semua yang bertentangan dengan syariah adalah diharamkan bagi kaum muslimin sekalipun pemerintah mengizinkan dan memerintahkannya.

"Hai orang-orang yang mukmin! Taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasulnya dan kepada Ulil-amri dari kelanganmu, jika kamu berselisih terdapat sesuatu urusan kebaikan kepada Allah dan Rasul" (An-Nisa' : 49)

"Dan apa saja yang kamu persilahkan maka ketentuan hukumnya hendaknya dikembalikan kepada Kitabullah" (Asy-syuraa : 9).

Hukum syariah tidak boleh dipisah-pisahkan dan tidak boleh dipengaruhi

oleh hukum-hukum lain. Oleh itu seluruh umat Islam tidak diperkenankan mengambil sebahagian hukum syara' dan meninggalkan sebahagian yang lain.

"Sesungguhnya orang-orang kufur kepada Allah dan para utusannya dan bermaksud akan memisah-misahkan antara Allah dan utusannya serta berkat kami beriman kepada sebahagian dan kufur kepada sebahagian yang lain dan berkehendak akan menjadikan antara iman dan kufur bagi satu tuntutan jelas mereka itu adalah orang-orang kafir" (Al-Imran : 150-151)

MATLAMAT

S

Selepas kita menyedari dan yakin kepada undang-undang Islam dan mutu berbanding dengan undang-undang ciptaan manusia, maka matlamat kita ialah untuk menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara di Malaysia dan melaksanakan undang-undang itu dengan sepenuhnya.

Sebagai orang-orang Islam, kita harus mengakui bahawa sungguhpun akal adalah suatu ni'mat yang terbesar yang diberi oleh Allah kepada kita, akan tetapi akal manusia ada batasan dan hadnya. Kita tidak dapat mengetahui dengan tepatnya semua yang terjadi di masa lalu dan masa kini, lebih-lebih lagi pada masa yang akan datang. Hanya Allah sahaja yang Maha Mengetahui dan Allah sahaja yang boleh menentukan undang-undang dan cara hidup yang sebaik-baiknya untuk manusia di mana-mana tempat dan pada mana-mana zaman untuk kebaikan mereka di dunia dan akhirat.

Matlamat kita ialah kembali kepada Islam. Undang-undang Islam bersandar kepada iman dan 'aqidah. Sebelum dapat menerima ni'mat undang-undang Islam manusia mestilah menyiapkan dirinya. Daripada sejarah perkembangan Islam dalam undang-undang Islam kita dapat juga bahawa Nabi Muhammad saw, telah mengajar orang-orang Islam di Mekah selama 13 tahun mengenai iman dan 'aqidah. Apabila orang-orang Islam telah kuat iman dan aqidah mereka, maka baharulah undang-undang Islam diterangkan dan dilaksanakan. Orang-orang Islam tidak ragu-ragu lagi dan tidak mempersoalkan lagi. Mereka telah menerima dan patuh kepada undang-undang itu kerana mereka telah beriman kepada Allah.

Di Malaysia kita telah dipengaruhi oleh penjajah Barat dengan aliran fikiran, pandangan dan nilai kita adalah kebaratan hingga kita berani mempersoalkan tentang baik buruk undang-undang yang disampaikan kepada kita dari Allah. Pengaruh sekularisme telah bermaharajalela dalam fikiran kita hingga dipandang rendah undang-undang yang datangnya dari Allah dan sebaliknya kita mengagung-agungkan undang-undang ciptaan manusia.

Orang-orang yang mencadangkan perlunya kita kembali kepada undang-undang Islam dituduh sebagai kolot dan tidak bertamadun. Mengikut guru-guru mereka dari Barat iaitu Bentham, Austin, Kelsen dan Hart. Mereka mendakwa bahawa undang-undang mestilah dipisahkan dari ugama dan akal manusia adalah mencukupi untuk mencipta undang-undang yang terbaik yang lebih sesuai

untuk masa serba moden ini dari undang-undang yang disampaikan dari Allah.

Sebagai suatu sangkalan kepada pandangan itu, kita dapat bahawa undang-undang Islam tidak boleh dipisah-pisahkan dari ugama - Islam tidak ada perpisahan antara dunia dan ugama - Islam berpegang kepada Tauhid bukan kepada sekularisme. Pentingnya orang-orang Islam menyesuaikan diri mereka dalam undang-undang Islam dan perhubungan antara perkara dunia dan perkara akhirat jelas kelihatan jika kita membaca hadith dan buku-buku fiqh. Kita dapat bincangkan perkara yang termasuk di dalam undang-undang mengikut istilah moden, dibincangkan perkara-perkara Iman, Taharah, Salat, Zakat, Saum, dan Haji.

Satu lagi akibat dari pengaruh penjajah ialah pandangan dan nilai-nilai kita telah berubah. Umpamanya, jika seorang yang mempunyai isteri hendak berkahwin semula ini di pandang satu perkara yang tidak baik dan harus dilarang; sebaliknya juga ia melakukan perzinaan, maka perbuatan ini dipandang sebagai kebiasaan sahaja dan dia tidak harus dihukum, seolah-olah kita ada hukum baru, iaitu perkahwinan diharamkan tetapi zina dibenarkan. Di dalam Islam sebaliknya zina adalah kesalahan yang besar yang harus dihukum dengan seberat-beratnya. "Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk" (17 : 32)

Begitu juga kita orang-orang Islam telah menuai dan meragu tentang hukuman riba dan telah pun terdapat banyak usaha yang cuba menghalalkannya.

Miniman keras tidak lagi dipandang keji.

"Hai orang yang beriman, sesungguhnya meminum khamar, berjudi, berkorban untuk berhala, mengundi masih dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Kerana itu jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat kenntungan." (5 : 90)

Di dalam khutbahnya yang torakhir Nabi s.a.w. telah berwasiat kepada orang-orang Islam dua perkara yang mana jika kita berpegang kepadanya kita akan selamat, iaitu Al-Quran dan Sunnah. Kita harus yakin kepada Al-Quran dan Sunnah seperti yang dijelaskan oleh Imam Shafii di dalam Risalahnya. Imam Shafii telah membawa misalan seorang yang berada di Masjid Al-Haran melihat Kaabah dengan jelas dan nyata. Apabila dia bersembahyang dia tidak ragu-ragu lagi tetapi dia menuju di Ka'bah yang dilihatnya itu. Begitu juga dengan Al-Qurang dan Sunnah - kita harus yakin menerima ajaran-ajarnnya tanpa keraguan atau persoalan. Sebaliknya kata Imam Shafii, jika kita berada jauh dari Mekkah kita harus juga berusaha menggunakan akal kita supaya kita mengadap kepada Kaabah apabila kita bersembahyang. Tetapi apa yang

kita dapat buat itu tidak sebegitu yakin seperti kita lihat Ka'abah dengan mata kita sendiri. Kita boleh jadi betul, boleh jadi salah - tetapi kerana niat dan usaha kita, kita dapat pahala juga. Inilah inarat undang-undang yang dicipta oleh manusia dengan akalnya yang bersandarkan kepada nass Al-Quran dan Sunnah. Undang-undang itu tidak boleh disamakan dengan apa yang disebut dalam Al-Quran dan Sunnah. Olch kerana Al-Quran dan Sunnah datangnya dari Allah tiada sesiapapun yang boleh meminda atau memansuhkannya.

Tujuan undang-undang Islam bukanlah untuk menghukum orang yang salah atau memutuskan kes-kes yang timbul kerana adanya orang-orang yang menipu atau tidak jujur. Tujuan undang-undang Islam ialah membaikkan akhlak dan cara hidup manusia supaya tidak berlakunya jenayah, tipuan dan anaiaya dan supaya manusia mendapat kebahagian di dunia dan akhirat. Umpamanya tujuan undang-undang jenayah ialah supaya tidak ada sebab bagi orang Islam untuk melakukan kesalahan. Kerajaan dan masyarakat harus mengambil tindakan supaya keadaan dalam masyarakat itu tidak mendorong atau membawa orang kepada jenayah. Semua orang harus diberi peluang bekerja dan mendapat keperluan hidupnya. Orang-orang kaya di dalam masyarakat itu harus sedia menolong orang-orang yang kurang bernasib baik dengan cara zakat, fitrah dan sedekah. Tidak ada sebab bagi orang untuk mencuri dalam masyarakat itu. Dia tahu bahawa itu adalah suatu kesalahan yang besar dan dia tidak dipaksa oleh keadaan untuk mencuri. Jika dia melangaar hukum itu juga, maka ini menunjukkan bahawa dia telah mencuri dengan sengaja dan tanpa sebab. Dia harus dihukum dan hukuman itu bukan hanya untuk menyaksikannya sahaja, tetapi untuk membersihkan masyarakat dan mencegah kesalahan itu dari berulang.

"Laki-kaki dan perempuan yang mencuri, maka potonglah tanganinya sebagai pembalasan dari apa yang telah mereka telah kerjakan dan sebagai siksaan dari Allah. Dan Allah Maha Berkuasa dan Maha Bijaksana" (5 : 38)

Riba diharamakan dan menyorok barang supaya harganya naik juga adalah diharamkan. Di dalam kontrek untuk masa hadapan (salam) butir-butir kontrek itu harus ditentukan. Menyalahgunakan harta sendiri untuk merugikan atau membinasakan orang lain adalah dilarang.

Undang-undang Keluarga Islam menggalakkan perkahwinan dan perdamaian jika ada perselisihan antara suami dan isteri. Akan tetapi jika terjadi pecah belah dalam perkahwinan itu, maka perceraian adalah dibenarkan. Perinsip-perinsip seperti ini telah diterima oleh Undang-undang Keluarga Moden Barat.

Undang-undang keterangan dan acara dalam Islam bertujuang mengelakan tuntutan yang palsu. Sistem penialaian saksi dan bilangan dari saksi-saksi

yang adil dan boleh dipercayai. Jelaslah matlamat kita ialah supaya undang-undang Islam diterima di semua bidang samada oleh orang Islam juga dari kalangan yang bukan Islam di Malaysia.

PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

Langkah yang pertama yang harus diambil ialah mendidik orang-orang Islam dari segi iman dan akidahnya supaya mereka bersedia dan layak menerima undang-undang Islam. Di sinilah perlunya pendidikan dan dakwah di rumah, tadika, di sekolah, di universiti, di pejabat, di kilang dan di dalam masyarakat keseluruhannya. Orang-orang Islam harus mengenali Islam dalam erti kata sepenuhnya, meghayati Islam dalam semua aspek kehidupannya dan berpandu kepada Al-Quran dan Sunnah dalam cara pemikirang dan penilaianya.

Mengenai undang-undang Islam, hakim-hakim perlu diajukan untuk hakim-hakim pegawai-pegawai undang-undang dan pelajar undang-undang supaya mereka yakin bahawa undang-undang Islam harus diterima sebagai undang-undang asas di Malaysia. Mereka harus di dakwahkan untuk menukar halauan mereka daripada undang-undang barat kepada undang-undang Islam. Yang penting, iman dan akidah mereka harus diperbaiki, selepas itu maka tuduhan-tuduhan yang biasanya dilemparkan terhadap undang-undang Islam haruslah di jawab. Antara tuduhan-tuduhan yang biasanya ialah seperti berikut:-

1. Pertama mereka menuduh Islam tidak ada hubungannya dengan hukum dan negara. Diantara Al-Quran terdapat banyak ajaran mengenai hukum dan negara.

"Hai orang yang beriman! telah ditetapkan hukum qisas atas kamu untuk membela orang yang terbunuh." (2 : 178)

"Sesungguhnya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasulnya serta membuat rusuhan dipermikaan bumi ini, maka mereka itu harus dibunuh, di salib, dan dipotong-potong tangan dan kakinya berselang-sela, atau dikeluarkan diakhirkat kelak mereka akan disiksa dengan hebat." (5 : 33)

"Tidak layak orang mukmin membunuh mukmin lain kecuali kerana tidak sengaja dan barangsiapa membunuh orang mukmin dengan tidak sengaja diharuskan memerdekaan seorang hamba mukmin dan membayar diyat yang selanjutnya akan diserahkan kepada ahli simati." (4 : 92)

"Pencuri lelaki dan perempuan harus dipotong tangannya." (24:2)

"Orang yang menuduh perempuan-perempuan baik (muhsanat) sedangkan mereka tidak membawa empat saksi, mereka harus didera delapan puluh kali." (24:4)

"Orang yang berzina perempuan-perempuan maupun lelaki masing harus didera seratus kali." (24:2)

Mengenai keadilan ditegaskan maksudnya :-

"Mesyuarahkanlah bersama mereka tentang urusan mereka. (3:31)

(11)

(12)

"Urusan mereka seharus dimusyawarahkan bersama mereka." (42 : 38)

Mengenai keadilan ditegaskan maksudnya a:-

"Allah memerentahkan kamu supaya menunaikan amanat, dan apabila kamu menghukumi seorang hukumilah dengan adil." (5:58)

"Hendaklah kamu, menghukumi antara mereka dengan hal kum Allah." (5:49)

Tugas orang-orang Islam ialah mengajak kepada ma'ruf dan menjauhkan mungkar.

"Hendaklah ada diantara kamu satu golongan yang mengajak kepada kebaikan, beramal ma'ruf dan menjauhkan mungkar." (3:104)

"Katakan hai Muhammad! Kemarilah saya bacakan semua yang diharamkan tuhan atas kamu, iaitu janganlah kamu menyekatkan Allah sedikit pun, dan berbuat baiklah terhadap dua orang tua mu, dan janganlah kamu membunuh anak kerana takut kelaparan. Kamilah akan memberi rezeki kepada mu dan kepada mereka dan janganlah kamu dekati perbuatan-perbuatan keji baik baik dengan terang-terangan maupun dengan sembunyai-sembunyi dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah kerana haqnya, demikian itu adalah ketentuan Allah supaya kamu berfikir." (6: 151)

"Orang-orang yang apabila kami beri kepuasan di bumi nescaya akan menegakkan salat, menunaikan zakat, beramal ma'ruf dan menjauhkan mungkar dan kepada Allah akhir seluruh persoalan itu." (22:41)

2. Kedua, menuduh bahawa syariat Islam tidak sesuai langsung untuk masa sekarang. Islam menetapkan adanya persamaan antara seluruh umat manusia tanpa adanya suatu ikatan apapun.

"Hai umat manusia sesungguhnya kami telah menjadikan kamu dari lelaki dan perempuan dan kami menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuaka supaya kamu saling kenal mengenal, sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa." (49:13)

Islam menetapkan kebebasan berfikir dan mengeluarkan pendapat.

"Katakan lah! Perhatikan semua yang ada di langit dan di bumi." (10:101)

"Tiada yang mahu ingat kecuali orang-orang yang berfikiran jernih." (3:7)

"Sedikitpun tiada paksaan dalam beragama." (2:256)

"Hendaklah ada diantara kamu datu golongan yang mana mengajak kepada kebaikan, beramar ma'ruf dan menegah mungkar." (3:104)

Islam menetapkan keadilan mutlak.

"Jika kamu menghukumi seseorang hendaklah kamu hukumi dengan seadil-adilnya." (4:58)

"Kebencian mu kepada satu kaum jangan menyebabkan kamu tidak berlaku adil." (5:8)

"Hai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu penegak keadilan sebagai

saksi bagi Allah sekalipun terhadap diri kamu, orang tuakamu ataupun kerabat kamu. Jika mereka orang kaya atau fakir maka Allah yang lebih berhak kepada keduanya. Kerana itu jangan kamu ikuti hawa nafsu demi untuk berlaku adil." (4:35)

Islam menegaskan pentingnya musyawarah.

"Urusan mereka harus dimusyawarahkan bersama mereka." (3:31)

"Musyawarahkanlah bersama mereka tentang urusan mereka." (42:38)

Islam melarang minuman arak.

"Hai orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, berhala dan azlan adalah perbuatan kotor yang berasal dari perbuatan, kerana itu jauhi-lah." (5:90)

Islam membenarkan perceraian apabila perlu dan tidak boleh dielakkan lagi.

"Talaq(yang boleh dikembali) itu hanya dua kali, kerana itu tahanlah isterimu dengan cara yang baik ataupun lepaskan dengan cara yang baik pula." (2:229)

Syariat Islam adalah syariat yang pertama sekali membuat peraturan tentang bantuan sosial.

"Ambilah zakat sebahagian dari harta mereka(orang kaya) kerana zakat maka diri mereka akan menjadi suci bersih. (9:103)

"Harta benda zakat adalah teruntuk: orang fakir, orang miskin, orang yang menjadi amil, orang hatinya baru dapat ditaklukkan, orang yang hendak memerdekan hamba, orang yang mempunyai hutang, orang yang berjuang ke jalan Allah, dan orang yang berputusan belanja dalam perjalanan. Demikian itu satu ketetapan dari Allah dan Allah maha mengetahui serta maha bijaksana." (9:69)

Islam menetapkan undang-undang melarang pembunuhan dan penyuapan.

"Janganlah kamu makan harta di antara kau dengan cara yang batil dan kamu berikan kepada para hakin supaya kamu dapat makan sebahagian dari harta orang lain dengan cara dosa padahal kamu telah mengetahui." (2:188)

Islam melarang perbuatan keji, dosa dan lacur.

"Katakanlah hai Muhammad! Sesungguhnya tuhan ku melarang perbuatan-perbuatan keji baik secara terang-terangan ataupun dengan sembunyi-sembunyi dan mengharahkan berbuat dosa dan lacur. Kesemua itu adalah perbuatan-perbuatan yang tidak benar." (7:23)

Islam mengajak kepada hal-hal yang baik memerentahkan berbuat yang baik dan melarang perbuatan yang mungkar.

Hendaklah ada diantara kamu satu golongan yang suka mengajak kepada kebaikan, beramar ma'aruf dan mencegah mungkar." (3:104)

3. Ketiga, mereka menuduh sebahagian hukum Islam hanya berlaku untuk sementara waktu. Sebahagian orang telah mempercayai bahawa syariah Islam itu sesuai untuk masa sekarang tetapi ada sebahagian hukum yang berlaku hanya untuk sementara waktu.

Mereka tidak suka kepada rejan dan potong tangan kerana tidak terdapat di dalam hukum Inggeris. Akan tetapi jika ditanya apa alasannya, mereka tidak dapat memberi jawapan. Oleh kerana itu tidak mendapati hukum tersebut dalam hukum barat, umpananya, maka mereka berusaha untuk meniadakkan dari dunia hukum. Sekiranya esok lusa hukum barat menakainya, nescaya mereka akan mengubah fikiran mereka dan berkata bahawa sebenarnya syariat Islam terpakai untuk selana-lananya.

"Hari ini telah kami se-purnakan untuk kamu arahan dan telah kami se-purnakan pula nikmat Ku untukmu serta kami rela Islam sebagai arahan pelukanmu." (5:3)

Seandainya sebahagian hukum Islam itu boleh dipakai hanya untuk sementara waktu nescaya sebahagian yang lain pun boleh juga. Jika semikian, boleh juga manusia berhukum menurut hawa nafsu dan akhirnya akan lenyaplah Islam.

4. Keempat, mereka menuduh sebahagian dari hukum Islam tidak mungkin dapat diterapkan untuk masa sekarang. Mereka percaya bahawa syariah Islam itu tegak selana-lananya dan pasti dapat diterapkan, tetapi dalam masalah hukum rejan dan potong tangan tidak mungkin hukuman ini dapat dilaksanakan kerana kelenhan negara-negara Islam sendiri dan terlalu banyak negara lain yang tidak mau menerima bahkan tidak suka menakai hukum tersebut.

"Jan'anlah kamu takut kepada manusia tetapi takutlah kepada Ku dan jan'anlah kamu jual ayat-ayat Ku dengan harga yang murah dan barang siapa tidak berhukum dengan hukum yang diturunkan adalah bererti kufur." (5:44) (88:5)

Akhirnya mereka menuduh Fiqh Islam hanya bersumber kepada pendapat ulama. Mereka tidak tahu bahawa banyak hukum-hukum Islam adalah bersandarkan kepada Al-Quran dan Sunnah. Umpananya tentang menulis dan saksi disebut dalam Al-Quran maksudnya:-

"Hai orang yang beriman, apabila kamu berhutang-piutang sa-pai pada batas waktu tertentu maka catitilah, dan hendaklah ada yang menulis diantara kamu itu juru tulis yang jujur dan juru tulis tidak boleh enggan untuk menulisnya bagaimana telah diajarkan Allah, maka hendaklah ia menulis dan yang berhutang supaya mendektekannya dan takutlah kepada Allah dan jangan menurangi sedikit pun maka jika yang berhutang itu bodoh atau lenah tidak dapat mendekti, hendaklah walinya yang mendekatinya tetapi harus dengan jujur. Dan ambillah dua orang saksi dari lelaki, dan antara kamu, jika tidak ada lelaki, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang

(15)

lelaki, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang yang kamu suka sebagai saksi, sehingga kalau yang satu lupa maka yang lain dapat mengingatkan. Saksi-saksi tersebut jika diundang tidak boleh enggan, tidak juga keberatan untuk menulis sampai pada waktunya baik kecil ataupun besar. Demikian itu baci Allah adalah lebih baik dan memperkuatkan penyaksian dan lebih mendekatkan supaya kamu tidak ragu-ragu kecuali jika hal itu merupakan perdarangan secara langsung dan kontan, maka tidak salah kalau kamu tidak mencantikinya. Tetapi kalau kamu berjual beli seperti itu maka cukup ambil saksi, dan menulis maupun saksi tidak boleh di-beratkan, kalau kamu berbuat demikian bererti kamu berbuat fasie, oleh itu bertawwalah kepada Allah dan Allah mengajar kamu, Allah adalah mengetahui tentang segala sesuatu.

Jelaslah tuduhan-tuduhan mereka itu semua tidak berasa dan mereka hanya membantah kerana tidak dipenaruhi dengan undang-undang Barat dan tidak mengetahui undang-undang Islam.

Selaras orang-orang Islam di Malaysia, termasuk menteri-menteri dan hakim-hakim telah yakin dengan undang-undang Islam, maka tidaklah susah bagi kita menunjuk orang-orang yang bukan Islam untuk terus menerima undang-undang Islam sebagaimana undang-undang asas di Malaysia. Sebetulnya mereka tidak lagi kuat berpercaya kepada adat dan undang-undang mereka sendiri dan pilihan mereka ialah dianteranya undang-undang barat dan undang-undang Islam. Di sini kita harus berusaha dan menunjukkan bahawa undang-undang Islam tidak kurang nilainya jika dibandingkan dengan undang-undang Barat, bahkan dalam beberapa perkara undang-undang Barat telah mengambil prinsip-prinsip dari undang-undang Islam, secara langsung atau tidak langsung. Sebelum kedatangan penjajah Negeris, undang-undang Islam telah dilaksanakan di Malaysia dan hakim-hakim British pun telah mengakui bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang negara ini. Di bawah undang-undang Islam orang-orang bukan Islam tidak boleh dipaksa menerima undang-undang Islam itu, seperti yang telah dianalisa di negara-negara Indonesia dan Tunisia.

Jika orang-orang di Malaysia rahu menerima undang-undang Islam sebagaimana undang-undang di Malaysia, maka langkah-langkah yang harus dianbil seterusnya adalah jelas. Disinilah letaknya peranan yang terbesar yang harus diambil oleh ulama dan sarjana undang-undang Islam di Malaysia. Kita harus menerangkan dan menyatakan undang-undang Islam di Malaysia dahulu. Pada masa sekarang kita dapati sebahagian dari undang-undang keluar a Islam ditadbir dan ditimpati tiap negeri di Malaysia. Cara pentadbirannya belum

(16)

lagi kemas dan meruaskan dan sayangnya cara pentadbiran itu ada kala berbeza antara satu negeri dengan yang lain. Hukuman seorang kadhi disesbuah negeri adakalanya tidak dapat diberi kuatkuasa di negeri jirannya atau di negeri-negeri lain. Alangkah lebih baiknya jika kita mempunyai undang-undang jenayah Islam dan undang-undang kontrek Islam, tetapi alangkah buruknya jika undang-undang itu ditadbirkan secara berasingan ditiap-tiap negeri. Penyelarasen undang-undang Islam yang ditadbirkan dinama ini adalah sangat-sangat diperlukan.

Kemudian ulama dan sarjana undang-undang Islam harus menremaskan dan menentukan undang-undang Islam dibidang-bidang lain selain dari undang-undang keluarga. Umpananya undang-undang kontrek. Setakat manakah boleh Akta Kontrek di Malaysiadi-terima? Jika ia tidak boleh diterima, apakah undang-undang kontrek yang harus diadakan? Begitu juga dengan undang-undang yang lain. Jika kita perlu mengikut undang-undang Islam di Malaysia apakah undang-undang Islam yang kita perlukan dan bagaimanakah kita hendak menentukannya? Ulama dan sarjana undang-undang Islam di Malaysia harus berusaha untuk menadakan rancangan undang-undang Islam yang bersandar kepada Al-Quran dan Sunnah didalam semua bidang yang perlu.

Taraf, kelayakan dan kedudukan kadhi, mufti dan lain-lain pegawai untuk mentadbirkan undang-undang Islam hendaklah dipерbaiki. Bagaimanakah kita hendak meninggikan taraf undang-undang Islam jika Kadhi Besar dipandang lebih rendah pangkatnya dari seorang Mervistret iaitu pegawai yang paling rendah dalam pentadbiran undang-undang awam. Seharusnya Kadhi Besar hendaklah sama tarafnya dengan Hakim Besar, Kadhi dengan Hakim dan Mufti dengan Penasihat Undang-undang Negeri.

Kerudahan-kerudahan untuk pentadbiran undang-undang Islam harus diperbaiki. Mahkamah Mervistret dibina secara lengkap dan mempunyai hawa dingin tetapi Mahkamah Kadhi bukan sahaja buruk tetapi kurang serba serbinya. Dinaajlis-najlis rasmi, hakim-hakim diberi tempat dan tugas yang utama tetapi mufti atau kadhi hanya dijrimput untuk membaca doa. Adalah disaranakan bahawa mufti harus diberi tugas yang lebih pontif, umpananya ia harus dilantik menjadi anggota Jawatankuasa Pengarungan ditiap-tiap negeri supaya ia dapat menyesahkan bahawa hukuman buruk yg dijatuhkan di mahkamah dapat dilaksanakan mengikut undang-undang

Islam.

Satu faktur yang boleh meninggikan taraf mahkanah-mahkanah awan ialah kapuran-lapuran keputusannya yang dicetak dan disiar-kan. Mahkanah kadhi juga harus noncetak lapuran-lapuran keputus-annya supaya orang ramai dapat mengetahui keputusan-keputusan dan alasan-alasannya. Perkara ini tidak lari dari ajaran Islam, kerana didalam hadis pun kita dapat banyak keputusan-keputusan Nabi s.a.w. yang dilapurkan. Kita tidak perlu merasa malu kerana keputusan-keputusan kadhi nestilah setanding dengan keputusan-keputusan hakim di mahkanah awan.

Apabila kita telah bersedia untuk mengadakan dan mentadbir-kan undang-undang Islam sebagai undang-undang di Malaysia, maka beberapa langkah mesti diambil untuk memberi tempat yang sewaj-arnya kepada undang-undang Islam itu. Yang pertama, Akta Undang-Undang Sivil 1956 nestilah dipinda supaya undang-undang Inggeris tidak lagi menjadi undang-undang asas di Malaysia. Sebaliknya undang-undang Islam nestilah diterima untuk memperuntukan bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang asas dan undang-undang utama di Malaysia dan mana-mana undang-undang yang berlawanan dengannya hendaklah terbatal setakat mana yang berlawanan itu. Keputusan-keputusan Mahkanah tidak harus berlawanan dengan undang-undang Islam. Hakim-hakim hendaklah memahami undang-undang Islam dan jika ada perselisihan, maka undang-undang Islam hendaklah menatasi undang-undang awan. Keputusan-keputusan seperti White v P.P (1940) MLJ 214, Ainan v Syed Abu Bakar (1939) MLJ 209, dan Commissioner of Religious Affairs, Terengganu v Tengku Marian (1969) MLJ 110 tidak boleh diikuti lagi.

Oleh kerana di Malaysia ramai rakyat bukan beragama Islam mungkin perlu bagi kita untuk meneruskan dua sistem kehakiman, satu untuk undang-undang Islam dan satu untuk undang-undang awan. Mahkanah Syarikh hendaklah diberi tugas untuk mentadbirkan undang-undang yang dikenakan kepada orang-orang Islam sahaja mah-kanah awan diberi tugas untuk mentadbirkan undang-undang yang di-kenakan kepada semua rakyat di Malaysia. Walaubagaimanapun kedu-duakan undang-undang Islam sebagai undang-undang asas dan undang-undang negri hendaklah diakui dan taraf kedudukan mahkanah Syariah dan perawai-perawainya diperbaiki dan disanakan dengan taraf dan kedudukan mahkanah awan.